



Oleh: Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Pada 17 hingga 20 April 2011, di tengah-tengah kesibukan para pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sedang sibuk megulangkaji pelajaran untuk peperiksaan yang menjelang tiba, Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP Sesi 2011/2012 telah menerima kunjungan delegasi dari Fakultas Teknik Kejuruteraan, Universitas Islam Sumatera Utara (UISU), Indonesia. Lawatan UISU ke UniMAP selama 4 hari ini merupakan kunjungan kedua mereka selepas beberapa tahun lalu. Delegasi terdiri daripada barisan pemimpin mahasiswa UISU yang terdiri daripada 6 orang mahasiswa dan seorang pegawai alumni yang telah menyertai program kali ini.

Program lawatan ini mempunyai beberapa objektif yang disasarkan oleh pihak UISU. Antaranya adalah; untuk mempelajari bidang teknikal kejuruteraan di UniMAP, menjadikan kemudahan-kemudahan peralatan dan teknikal kejuruteraan di UniMAP sebagai satu penanda aras (benchmark) di UISU, mempelajari metodologi baru berasaskan kepakaran UniMAP dalam penyelidikan dan inovasi serta mengenali dan mempraktikkan budaya silaturrahim antara barisan pemimpin mahasiswa UISU dengan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi UniMAP 2011/2012 secara telus.

Pengisian lawatan ini melibatkan pelbagai aktiviti menarik seperti lawatan ke kampus UniMAP (zon Kuala Perlis, zon Kangar, zon Kubang Gajah, zon Pauh dan zon Sungai Chuchuh), pertemuan dengan beberapa jabatan berkaitan UniMAP (JHEPA, PHEA, Pusat Agroteknologi, PPK Mikroelektronik 'Clean room', Pusat Kejuruteraan dan Galeri PPK Mekatronik), sesi interaksi bersama MPP UniMAP, riadah bowling persahabatan dan lawatan informal ke tempat pelancongan seperti Padang Besar, Bukit Ayer, Bukit Kubu dan Queensbay, Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya program ini telah memberikan idea dan dimensi baru kepada mahasiswa UISU tentang UniMAP dalam pelbagai aspek. Pengisian program yang diatur khas dan dicerakinkan telah mencapai objektifnya daripada sudut penganjuran program, pelaksanaan program, intipati, interaksi dan keberhasilannya. Disamping itu, hubungan antara MPP UniMAP dengan barisan pimpinan mahasiswa UISU juga terjalin dengan baiknya. Semoga, hubungan silaturrahim antara UniMAP dan UISU akan berkembang dengan lebih meluas dengan adanya program-program seumpama ini di masa depan.



# DELEGASI PIMPINAN MAHASISWA UISU BERINTERAKSI BERSAMA MPP SEMPENA LAWATAN KE UniMAP

